

06/10/2001

KDN tidak heboh usaha kesan anggota militan

GURUN, Jumaat - Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menghebohkan usaha mengesan kumpulan yang terbabit dalam kegiatan militan bagi mengelak masyarakat daripada panik.

Timbalan Menteri, Datuk Chor Chee Heung, berkata sejak kegiatan ahli Persaudaraan Ilmu Dalam Al Ma'unah (Al Ma'unah) merampas senjata di kem tentera di Grik dan menyembunyikannya di Bukit Jenalek, Kuala Kangsar, KDN terus mengesan beberapa kumpulan lain.

Katanya, ini termasuk saki-baki anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang 10 ahlinya ditahan awal Ogos lalu.

"KDN tahu ada sekumpulan rakyat tempatan menjalani latihan peperangan di Afghanistan.

"Siasatan terperinci sedang dilaksanakan. Kerajaan tidak mahu orang awam takut akibat gerakan mengesan ini," katanya selepas merasmikan Kem Kepimpinan Belia MCA di Harvard Suasana, di sini hari ini.

Kem dua hari itu anjuran Pergerakan Pemuda MCA Kedah dihadiri 80 belia seluruh negeri.

Chor berkata demikian ketika ditanya kenyataan Ketua Polis Perak, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abdul Kadir kelmarin yang polis mengesan tempat persembunyian tujuh anggota KMM yang diburu sejak sebulan lalu.

Polis Perak tidak menolak kemungkinan tujuh anggota itu bersembunyi di selatan Thailand dan Indonesia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mendedahkan, kerajaan mempunyai bukti berbentuk dokumen dan gambar ahli KMM dilatih oleh Taliban di Afghanistan.

Ahli KMM menyertai Taliban dan kembali ke tanah air bagi menjatuhkan kerajaan secara keganasan.

(END)